



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **PELUASAN SISTEM JANJI TEMU MYSEJAHTERA DI FASILITI KESIHATAN PERGIGIAN**

**15 MEI 2023**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Sistem Janji Temu secara atas talian melalui aplikasi MySejahtera di fasiliti kesihatan primer KKM bakal diperluaskan kepada perkhidmatan kesihatan pergigian mulai 15 Mei 2023. Peluasan ini akan mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pergigian dan kemudahan akses ke klinik pergigian selain daripada kaedah 'walk-in' yang masih lagi diteruskan. Melalui inisiatif ini juga, orang awam boleh menempah perkhidmatan pemeriksaan kesihatan pergigian dan merancang lawatan ke fasiliti kesihatan pergigian mengikut kesesuaian masa.

Peluasan Sistem Janji Temu MySejahtera baharu ini menawarkan janji temu pemeriksaan kesihatan pergigian melalui Perkhidmatan Pesakit Luar. Melalui peluasan sistem ini juga, KKM akan memperkenalkan fungsi 'Automated Reminder' melalui aplikasi MySejahtera yang mana, orang awam akan diberi notifikasi untuk hadir pada masa dan tarikh yang telah ditempah. Pelanggan

akan diberikan pemeriksaan, perundingan atau rawatan pergigian pada janji temu pertama tersebut. Sekiranya rawatan susulan diperlukan, penetapan janji temu seterusnya akan diaturkan. Namun begitu, bagi kes kecemasan pergigian seperti sakit gigi atau kecederaan pada tisu muka atau gigi, orang awam boleh hadir terus ke mana-mana klinik pergigian berdekatan bagi mendapatkan rawatan kecemasan tanpa perlu melakukan tempahan janji temu.

KKM juga ingin menekankan kepada orang ramai bahawa Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 mendapati sebanyak 15 peratus daripada penduduk Malaysia tidak pernah mendapatkan pemeriksaan gigi dengan pengamal pergigian seumur hidup mereka. Manakala sebanyak 50 peratus daripada penduduk Malaysia pula, hanya mendapatkan pemeriksaan pergigian yang terakhir mereka lebih dari dua tahun lepas. Situasi ini amat membimbangkan kerana kejadian penyakit gusi dan karies gigi dalam kalangan dewasa masih tinggi dengan masing-masing 90 dan 89 peratus menurut Tinjauan Kesihatan Mulut Kebangsaan Untuk Golongan Dewasa 2010.

KKM sentiasa komited dalam usaha ke arah mendigitalkan sistem kesihatan agar sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2021 - 2025 KKM di bawah Teras Strategik Kedua iaitu Pemantapan Teknologi Baharu. Sehubungan dengan itu, Pendigitalan Sistem Janji Temu Perkhidmatan Kesihatan Pergigian melalui aplikasi MySejahtera ini berpotensi meningkatkan efisiensi sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian negara serta tahap kesihatan pelanggan. Ia mengukuhkan penjagaan sendiri (self-care) dan saringan tahap kesihatan pergigian sebagai langkah pengesanan awal penyakit serta pencegahan penyakit pergigian.

Justeru, KKM menyeru orang ramai bersama-sama meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia melalui inisiatif ini agar taraf kesihatan pergigian rakyat sentiasa selari dengan kemajuan sosio-ekonomi negara. Sokong Kempen Pemeriksaan Kesihatan Pergigian Sekali Setahun dengan tema “Ingat Hari Jadi, Ingat Doktor Gigi”.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**15 Mei 2023**